

**NO SOALAN :23****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA (KETEREH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 15.03.2018**

**Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA [ KETEREH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi bagi merancakkan pasaran dan ekonomi antara Malaysia dan Singapura melalui inisiatif 'Malaysia-Singapore Connect' yang diumumkan di Majlis Simposium Pasaran Modal Dunia 2018.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif "Malaysia-Singapore Connect" (Connect) adalah bertujuan untuk memberi akses secara bersama bagi pelabur kedua-dua negara terhadap pasaran saham

Malaysia dan Singapura. Strategi bagi merancakkan pasaran dan ekonomi antara Malaysia dan Singapura melalui inisiatif "Malaysia-Singapore Connect" adalah untuk membolehkan para pelabur kedua-dua negara menjalankan dagangan mereka dengan lancar di kedua-dua pasaran saham dan menyelesaikan pembelian saham asing dalam mata wang tempatan dengan halangan yang paling sedikit.

Dengan pengurangan halangan dan risiko untuk melabur di Malaysia, adalah diharapkan "Malaysia-Singapore Connect" ini akan menarik aliran masuk modal tambahan dari Singapura.